

23 JUN 1997

Mahathir-Lawat

MAHATHIR LAWAT HUNGARY

Oleh: Wan A. Hulaimi

BUDAPEST, 23 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja dua hari bertujuan mengukuhkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara.

Sejurus tiba, Perdana Menteri menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) dari Malaysia dan Inforpark RT, badan serupa dari Hungary.

MDC diwakili pengerusi eksekutifnya Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah manakala Inforpark RT oleh Pengarah Lembaganya Imre Grof. Majlis berpangung di Bangunan Parlimen.

MoU itu membuka ruang bagi menjalin satu bentuk kerjasama menerusi pertukaran maklumat, mengenal pasti peluang perniagaan dan projek.

Ini merupakan lawatan kedua Dr Mahathir ke Hungary selepas lawatan rasminya pada 1987.

Dr Mahathir diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali dan rombongan 70 anggota termasuk Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Law Hieng Ding dan Timbalan Menteri Luar Datuk Dr Leo Michael Toyad.

Seramai 25 tokoh korporat diketuai oleh pengerusi Kumpulan Berjaya Tan Sri Vincent Tan.

Antara perkara yang akan dibincangkan oleh kedua-dua pihak ialah pelancongan, penswastaan dan peluang pelaburan.

Esok Dr Mahathir dijadual menyampaikan ceramah dan mengadakan dialog dengan tokoh-tokoh perniagaan Hungary mengenai Koridor Raya Multimedia (MSC) di Bangunan Parlimen.

Beliau akan juga melawat Ikarus Vehicle Manufacturing Holdings sebelum berlepas dari sini pada tengah hari. -- BERNAMA

WAH AKD MAI